

Pak Lah menang majoriti 18,122 undi

BH-23/3/04

Oleh Ismail Mat

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, mengekalkan kerusi Parlimen Kepala Batas untuk kali ketujuh dengan mencatat kemenangan besar pada pilihan raya umum, semalam.

Abdullah yang juga Pemangku Presiden Umno yang memenangi kerusi itu sejak 1978, menewaskan calon Pas, Abdul Khalid Rashid, dengan majoriti 18,122 undi berbanding majoriti 11,175 undi pada 1999.

Dalam keputusan yang diumumkan jam 11.45 malam, Perdana Menteri memperoleh 25,403 undi manakala Abdul Khalid mendapat 7,281 undi.


Sehingga jam 12 malam tadi, beberapa menteri Kabinet turut mencatat kemenangan besar.

Di KUALA LUMPUR, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor, menjadi Ahli Parlimen pertama Putrajaya menewaskan Timbalan Presiden Keadilan, Abdul Rahman Othman, di kawasan baru itu dengan majoriti 3,536 undi.

Abdul Rahman yang hanya memperoleh 540 undi turut kehilangan wang pertaruhan.

Menteri Pembangunan Keluarga dan Hal Ehwal Wanita yang juga Naib Ketua Wanita Umno, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, mencatat kemenangan dengan majoriti besar 15,288 undi, mengalahkan Dr Samsi Osman dari Keadilan, berbanding kemengannya pada 1999 hanya 1,454 undi.

Timbalan Menteri Tenaga, Komu-



ABDULLAH diiringi Datin Seri Endon Mahmood disambut meriah oleh penyokong BN sebaik tiba di Pusat Dagangan Dunia Putra, malam tadi.

nikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, mempertahankan Parlimen Bandar Tun Razak dengan majoriti 17,527 undi menewaskan Dr Rosli Ibrahim dari Keadilan berbanding pada 1999, beliau hanya menang majoriti 1,224 undi.

Di PERAK, Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, yang juga Menteri Perusahaan Utama, menewaskan calon DAP, Nga Hock Cheah, untuk mempertahankan Parlimen Beruas, Perak, yang dimenangi sejak 1986 dengan majoriti 4,564 undi

berbanding kemenangan 1,455 undi pada 1999.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, yang juga Ketua Wanita Umno, mempertahankan Parlimen Kuala Kangsar yang dimenangnya sejak 1982 selepas menewaskan Mohammad Nizar Jamaluddin dari Pas dengan majoriti 5,557 undi. Pada 1999 Rafidah memenangi kawasan itu dengan 2,774 undi.

Presiden Parti Progresif Penduduk (PPP) yang juga Timbalan Menteri di

Jabatan Perdana Menteri, Datuk M Kayveas, menewaskan calon DAP, Ong Chee Keng, dan P Annadorai daripada Keadilan di Parlimen Taiping dengan majoriti 2,172 undi.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Brig-Jen Datuk Zainal Abidin Abdul Hamid, menawan kembali kawasan Parlimen Parit Buntar apabila menewaskan penyandangannya, Naib Presiden Pas, Datuk Dr Hassan Mohd Ali dengan majoriti 4,698.

Di SARAWAK, Menteri Sains, Tek-

nologi dan Alam Sekitar, Datuk Seri Law Hieng Ding, menewaskan tiga calon bebas dengan majoriti 11,599 undi mempertahankan Parlimen Sarikei yang dimenangnya dengan majoriti 7,363 pada 1999.

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas menewaskan calon SNAP, Abg Zulkifli Abg Engkeh dengan majoriti 9,723 untuk mempertahankan Parlimen Betong.

Timbalan Menteri Perpaduan Masyarakat dan Pembangunan Keluarga, Datuk Dr Tiki Lafe mempertahankan Parlimen Mas Gading dengan majoriti 2,712 undi menewaskan Dr Patau Rubis.

Timbalan Menteri Luar, Datuk Dr Michael Toyad, menewaskan calon Bebas, Mohamad @ Latip Rahman dengan majoriti 9,178 di kawasan Parlimen Mukah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoo Seng, menewaskan calon DAP, Voon Lee Shan, dengan majoriti 7,731 untuk mempertahankan Parlimen Stampin.

Pada hari penamaan calon 13 Mac lalu, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin, memenangi Parlimen Miri tanpa bertanding.

Di SABAH, Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman, memenangi Parlimen baru Kimanis selepas menewaskan calon Keadilan, Awang Tengah Awang Amin dengan majoriti 4,108 undi.

Di SELANGOR, Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Noh Omar, menewaskan calon Pas, Abdul Ghani Samsudin, di Parlimen Tanjong Karang, dengan majoriti 9,008 undi.

